

## **TEKS UCAPAN**

**YAB DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN  
MENTERI BESAR  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**SEMPENA  
PERHIMPUNAN PENTADBIRAN DAERAH  
REMBAU TAHUN 2019**

**PADA : 01 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)  
MASA : 08.30 PAGI  
TEMPAT : DEWAN SRI REMBAU**

**BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
dan Salam Negeri Sembilan Bersih, Muafakat,  
Sejahtera.**

**Terima Kasih pengerusi majlis,**

**YB Dato' Dr. Razali Abdul Malik,  
Setiausaha Kerajaan Negeri.**

**YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,**

**YBhg. Tuan Mohamad Najib Mustafa,  
Pegawai Daerah Rembau  
merangkap Pengerusi Penganjur  
Perhimpunan Pentadbiran Daerah Rembau.**

**Ketua-ketua Jabatan Pentadbiran Daerah  
Rembau,**

**Tuan-tuan, Puan-puan dan penjawat awam yang  
saya kasihi sekalian,**

1. Alhamdulillah dipanjatkan kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah perkenan dan izin-Nya kita dapat bersama-sama pada hari ini untuk berkumpul di **Majlis Perhimpunan Pentadbiran Daerah Rembau, Daerah Beradat** ini pada pagi ini.

2. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Pegawai Daerah Rembau dan seluruh anggota pentadbiran dengan penganjuran majlis perhimpunan dan lawatan kerja yang dirancang untuk pimpinan Kerajaan Negeri Sembilan pada hari ini. Sesungguhnya,

pertemuan ini merupakan satu platform penting yang menghimpunkan semua penjawat awam dan komuniti setempat demi mencapai hasrat dan harapan Kerajaan Negeri.

3. Saya ingin mengambil kesempatan pada hari yang penuh barakah ini untuk mendoakan semoga kita semua diberkati dan diberi kekuatan oleh Allah SWT untuk menjalankan amanah yang merupakan taklif kepada kita.

4. Amanah bermakna kepercayaan. Kita semua merupakan orang kepercayaan Allah di sini. Mengabaikan tugas dan tanggungjawab

yang diberi bermakna mengkhianati Allah.

5. Di antara ciri-ciri orang yang berjaya sebagaimana dinyatakan dalam surah al-Mukminun ialah mereka yang menjaga amanah dan janji. Firman Allah ayat 8 surah al-Mukminun yang bermaksud;

**“ Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya”**

6. Oleh itu, saya menyeru kepada diri saya sendiri dan seluruh kakitangan awam di Negeri Sembilan agar kita jangan sesekali memandang remeh amanah yang diberikan

dan dipertanggungjawab kepada kita dalam melaksanakan semua tugas demi kemaslahatan rakyat negeri beradat Perpatih ini.

***Adat bernegeri memagar negeri,***

***Adat berkampung memagar kampung,***

***Adat dipakai baru, kain dipakai usang.***

***Adat periuk berkerak,***

***Adat lesung berdedak.***

**Para hadirin sekalian,**

7. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dengan keperluan penjawat awam dan mengharapkan agar agensi mahupun jabatan kerajaan akan sentiasa peka dengan masalah yang berlaku di bawah bidang kuasa jabatan masing-masing.

Insya-Allah ketika **Pembentangan Belanjawan 2020 Negeri Sembilan** pada **22 November** ini akan ada berita yang menggembirakan seluruh penjawat awam Negeri Sembilan.

8. Sesungguhnya, setiap aduan rakyat yang diterima seharusnya dijadikan kayu pengukur mengenai tahap penyampaian jabatan masing-masing. Aduan-aduan hendaklah disantuni dengan baik agar dapat diselesaikan mengikut bidang kuasa yang diperuntukkan.

9. Saya difahamkan juga, Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan sedang giat menjalan usaha bagi melaksanakan **Sistem Pengurusan Aduan Bersepadu (SISPAA)** di seluruh Negeri Sembilan. Saya percaya melalui pelaksanaan sistem ini, setiap aduan

dapat diselesaikan di peringkat agensi itu sendiri dan sistem penyampaian agensi kerajaan boleh dipertingkatkan lagi. Apa yang lebih penting tanggapan atau persepsi negatif masyarakat terhadap kualiti perkhidmatan awam dapat diperbaiki.

10. Bukan itu sahaja, sektor perkhidmatan negara harus berubah demi mendepani cabaran dan saingan masa hadapan. Usaha untuk mentransformasi ini merupakan satu cabaran yang amat besar kerana bukan sahaja melibatkan perubahan gaya pelaksanaan

aktiviti, malah memerlukan anjakan minda masyarakat secara menyeluruh. Saya mahukan perkhidmatan awam di Negeri Sembilan terus berdepan dengan cabaran-cabaran baru berikutan kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi baharu, khususnya permintaan yang datang bersama-sama dengan **Revolusi Industri Keempat dan Ekonomi Digital.**

11. Peranan orang awam pula diperlukan agar sentiasa memberikan ***input*** yang berkait rapat dengan kepentingan awam agar

penjanaan ilham yang berterusan bagi tujuan pertimbangan dan tindakan pihak jabatan dan agensi kerajaan dapat dipastikan. Justeru, sebagai penjawat awam, kita perlu merebut peluang-peluang yang disediakan oleh teknologi bagi mencapai pembangunan berterusan dan inklusif untuk semua.

12. Seterusnya, saya ingin menyentuh aspek **Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)**. Saya melihat **MPKK** di peringkat negeri boleh bekerjasama dengan **KRT** di peringkat persekutuan bagi menjayakan

agenda perpaduan di kawasan setempat. Cuma kita perlu fahamkan komuniti setempat bahawa kedua-duanya bukanlah entiti kepartian politik, tetapi lebih ke arah perpaduan penduduk setempat.

13. Fungsi utama **MPKK** adalah membuat perancangan dan pelaksanaan projek ataupun program di kampung di samping menggerakkan penglibatan komuniti setempat. **MPKK** juga adalah merupakan perantara di peringkat akar umbi yang akan menyalurkan sebarang permasalahan atau aduan kepada

pihak-pihak yang berkuasa dan berkaitan terhadap sesuatu isu yang timbul.

14. **KRT** pula perlu memainkan peranannya bukan sahaja dalam menjayakan aktiviti perpaduan dalam kalangan masyarakat setempat, malah juga menyatupadukan masyarakat agar lebih harmoni dan sejahtera.

15. Selain menangani masalah sosial dan jenayah kecil melalui **Skim Rondaan Sukarela (SRS)**, **KRT** juga berperanan mempromosikan perpaduan dan kesejahteraan. Justeru,

transformasi **KRT** ini dilihat perlu agar ia dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai agen perpaduan dan melaksanakan dasar-dasar kerajaan pada hari ini. Bak kata orang adat yang berbunyi: ***adat dunia balas-membalas, syariat palu-memalu.***

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

16. Daerah Rembau kini berada dalam arus pembangunan infrastruktur dan pelbagai usaha telah, sedang dan akan terus giat dijalankan agar penduduk di daerah ini tidak ketinggalan

dalam menikmati kemajuan dan keharmonian. Penyediaan prasarana di daerah ini tidak akan berjaya sekiranya tidak ada makluman atau cadangan daripada warga daerah ini sendiri. Kebergantungan kepada agensi atau jabatan kerajaan semata-mata tidak akan menjamin sistem penyampaian yang berkesan tanpa sumbangan idea daripada rakyat.

17. Sehubungan itu, saya dimaklumkan bahawa **Pasukan Skwad Tinjau Rembau (STR)** telah ditubuhkan pada **22 Ogos 2019** bertujuan untuk mengenalpasti permasalahan dan aduan awam di daerah ini. Menggunakan

kayuhan basikal sebagai medium ke lokasi aduan, **Skuad Tinjau Rembau** yang dijadualkan pada setiap hari Khamis juga menjadikan platform ini serampang dua mata dalam menyelesaikan permasalahan rakyat sambil mengamalkan gaya hidup sihat.

18. Idea ini dicetuskan oleh **Pegawai Daerah Rembau merangkap Yang Dipertua Majlis Daerah Rembau**. Usaha ini bertujuan untuk mengenal pasti permasalahan dan aduan awam masyarakat di daerah ini serta menyantuni masyarakat Rembau amnya dalam

menangani isu serta masalah yang dihadapi. Ahli pasukan **Skwad Tinjau Rembau** adalah terdiri daripada anggota serta kakitangan **Ibu Pejabat Polis Daerah Rembau, Pejabat Daerah dan Tanah Rembau** dan juga **Majlis Daerah Rembau**.

19. **Skwad Tinjau Rembau** telah diadakan sebanyak **empat (4) siri** dan antara lokasi yang telah dikunjungi adalah tapak **Projek Perumah Prima (PPR) Chembong, Kompleks Sukan Chembong, Medan Selera Sri Kendong, Projek Perumahan Rakyat Sri**

**Kendong, Kilang Halal Hub Pusat  
Penyembelihan Ayam Pedas, Tapak  
Perumahan Sungai Layang dan Rumah  
PPRT Kampung Legong Ulu.** Keseluruhan  
jumlah kayuhan bagi **4 siri** yang dilaksanakan  
telah mencecah sejauh **210 kilometer**.

20. Penubuhan Skwad Tinjau ini diharapkan agar dapat menyelesaikan permasalahan yang timbul secara pantas, efektif di samping mengekalkan ukhwah dan kerjasama baik agensi dan jabatan di daerah Rembau ini khususnya.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati  
Allah sekalian,**

21. Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan tahniah kepada seluruh pentadbiran daerah Rembau yang telah menjayakan majlis pada hari ini. Sama-samalah kita bersatu hati dan berganding bahu dengan satu niat yang suci iaitu untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan akhirnya mensyukuri kurniaan Yang Maha Esa agar hidup kita sentiasa diredhai lagi diberkati.

22. Saya akhiri ucapan saya dengan lafaz  
Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Salam Negeri Sembilan Bersih, Muafakat,  
Sejahtera.**